

## Bentuk-Bentuk Pemalsuan Dokumen Menurut Fiqh Dan Perundangan Islam Di Malaysia: Satu Analisa

WAN ABDUL FATTAH BIN WAN ISMAIL<sup>1</sup>  
ZUL HILMI BIN ABDULLAH<sup>2</sup>  
ABD HAMID BIN ABD MURAD<sup>3</sup>  
NURFADHILAH BT CHE AMANI<sup>4</sup>  
LUKMAN BIN ABDUL MUTALIB<sup>5</sup>  
LUKMANUL HAKIM BIN HJ HANAFI<sup>6</sup>  
MADIHAH BINTI MOHAMMAD KHIR<sup>7</sup>

### ABSTRAK

Dokumen merupakan kaedah pembuktian yang terpenting pada hari ini. Ciri-ciri dokumen yang bersifat kekal dan jelas sekalipun dalam tempoh yang lama menjadikan ia sebagai pilihan untuk dijadikan bukti dalam banyak urusan. Oleh kerana itulah, terdapat pihak memalsukan dokumen dengan tujuan mendapat keuntungan atau menganiayai orang lain. Kertas kerja ini akan menerangkan konsep dokumen dan pemalsuannya, bentuk-bentuk pemalsuan serta hukuman bagi yang disabitkan kesalahan menurut fiqh dan perundangan. Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan *mixed-method*, iaitu campuran pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Responden yang terdiri daripada hakim syarie, pegawai Syariah, peguam syarie, pensyarah serta pelajar Syariah dan undang-undang di Negeri Selangor, Negeri Sembilan serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Berdasarkan kaji selidik yang telah dijalankan, bentuk-bentuk penipuan dan pemalsuan yang paling tinggi berlaku dewasa ini ialah sijil sakit, diikuti tandatangan, memasukkan keterangan palsu dan pengubahan fakta. Selain itu, persepsi responden terhadap bentuk-bentuk penipuan dan pemalsuan adalah pada tahap sederhana iaitu min = 2.45 dan sp 1.07. Terdapat pelbagai bentuk pemalsuan dokumen dewasa ini dan ia berubah mengikut kemudahan semasa. Tidak dinafikan pemalsuan dokumen memberi kesan yang besar khususnya kepada pihak yang dizalimi. Oleh itu mengenali bentuk-bentuk dokumen amat penting bagi memudahkan proses pengecaman antara dokumen atau sebaliknya. Pengamal undang-undang syariah perlu didedahkan dengan secara serius mengenai pemalsuan dokumen dan bentuk-bentuknya supaya mereka dapat membuat keputusan tepat dalam penghakiman.  
Kata kunci: Dokumen dan Bentuk-Bentuk Pemalsuan

### ABSTRACT

Document has been regarded as one of the most essential and important method of proving evidence. Documents, even old dated, in its nature, permanent and certain, becomes a popular option as proof of evidence in many situations. Because of this, documents are forged by irresponsible individuals with certain interest or motive with the intention of gaining benefit

<sup>1</sup> Prof. Madya, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, USIM, [wanfattah@usim.edu.my](mailto:wanfattah@usim.edu.my)

<sup>2</sup> Pensyarah, Fakulti Sains dan Teknologi, USIM, [zulhilmi.a@usim.edu.my](mailto:zulhilmi.a@usim.edu.my)

<sup>3</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, USIM, [hamid@usim.edu.my](mailto:hamid@usim.edu.my)

<sup>4</sup> Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, USIM, [fadhilah.amani@usim.edu.my](mailto:fadhilah.amani@usim.edu.my)

<sup>5</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, USIM, [lukman@usim.edu.my](mailto:lukman@usim.edu.my)

<sup>6</sup> Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, USIM, [lukmanul@usim.edu.my](mailto:lukmanul@usim.edu.my)

<sup>7</sup> Pembantu Penyelidik, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, USIM, [madihahmcd@gmail.com](mailto:madihahmcd@gmail.com)

from the act. This article aims to explain the concept of falsification of documents and the forms of punishments according to Fiqh and under the Malaysian legislation. This study was conducted through mixed - method approach, a combination of quantitative and qualitative approaches where respondents consist of Syarie judges, Syariah officers, Syarie lawyers, lecturers and Syariah and law students from Selangor, Negeri Sembilan as well as Wilayah Persekutuan. Based on a survey which has been carried out, our findings indicates that medical certificate, followed by the signature, falsification of information and facts alteration are among the types of fraud and forgery which has the highest rate of commission. Beside that, respondents' perceptions on forms of fraud and forgery is at a moderate level, minimum = 2.45 and sp 1.07. The findings also show that types and manner of forgery are unpredictable due to different time, location and accessibility to technology. The Syariah Court has not given a serious attention to the exposure of cases related to the forgery of documents and its forms. Syariah law practitioners should be more exposed in this matter in ensuring the credibility and admissibility of documents as proof in upholding justice in court proceeding.

Keywords: documents and falsification forms.

## Pengenalan

Peranan keterangan Islam adalah untuk menzahirkan kebenaran bagi memastikan hakim di mahkamah memutuskan hukuman dengan adil dan tepat. Menurut Ibn Qayyim (2002), keterangan Islam merujuk kepada satu istilah setiap tindakan untuk menjelaskan sesuatu kebenaran dan menzahirkannya di hadapan hakim. Kesalahan pemalsuan itu berlaku apabila memenuhi tiga asas-asas berikut, iaitu mengubah kandungan sebenar dengan maksud untuk menipu dalam apa-apa cara yang diperuntukkan oleh undang-undang, dan niat untuk melakukan jenayah, dan hasil tindakan tersebut mendatangkan kesan buruk kepada pihak-pihak tertentu.

### Bentuk-Bentuk Pemalsuan Dokumen

Bentuk-bentuk pemalsuan dokumen tidak bersifat tetap dan amat sukar untuk dikesan kerana ia berubah-ubah mengikut peredaran masa dan kemudahan semasa. Namun secara teorinya bentuk-bentuk pemalsuan boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu pemalsuan secara jelas (*maddi*) dan tidak jelas (*maknawi*) (Ma'mun Kamal, 1992).

### Bentuk-bentuk Pemalsuan Secara Jelas (*al-Maddi*)

Pemalsuan secara jelas dan terang-terangan (*al-Maddi*) bermaksud perubahan yang dibuat oleh seseorang terhadap sesuatu dokumen secara jelas dan perubahan tersebut meninggalkan kesan yang nyata dan dapat dilihat. Contoh pemalsuan secara jelas dan terang-terangan (*al-Maddi*) meniru tulisan atau tandatangan orang lain. Dewasa ini, pemalsuan secara jelas dapat dilihat dalam beberapa bentuk antaranya pemalsuan secara pindaan, pemalsuan secara menghapus atau menokok tambah maklumat dan pemalsuan cap.

Pemalsuan secara pindaan dilakukan secara terus atau secara langsung dan pindaan secara tidak terus atau tidak langsung. Pindaan dilakukan secara terus atau secara langsung dibuat dengan cara peniruan tulisan atau pemindahan tandatangan dan sebagainya. Kadangkala

pemalsuan bentuk ini amat mengelirukan pandangan dalam membezakan antara dokumen asal atau palsu. Bentuk peniruan ini boleh dilakukan dengan menggunakan kertas karbon yang apabila ditulis akan meninggalkan kesan kepada kertas yang berada di bawahnya. Terdapat banyak lagi cara lain yang dibuat untuk meniru dan memalsukan dokumen secara langsung (Albert Osborn, 1943); (Ron N. Ordway, 2000).

Manakala pindaan secara tidak terus atau tidak langsung adalah pemindahan palsu tulisan atau tandatangan dari dokumen asal kepada dokumen palsu. Pemalsuan bentuk ini sebenarnya hampir sama dengan peniruan secara langsung, tetapi ia berbeza sedikit dari segi caranya. Pemalsuan bentuk ini akan menggunakan perantara dalam pemindahan data, terutamanya mereka yang tidak boleh memindahkan secara langsung. Sebagai contoh menulis secara menekan di atas tulisan dokumen asal sehingga memberi kesan kepada kertas dibawahnya, tandatangan menggunakan kertas telus atau karbon yang diletakkan di bawah dokumen asal atau membuat pengimejan dengan menggunakan kamera, fotostat dan memindahkannya ke atas kertas lain yang kelihatan seolah-olah dari kertas yang asal (Al-Zanibat, 2005).

Selain itu juga, pemalsuan dokumen secara jelas berlaku secara menghapus atau menokok tambah maklumat. Penghapusan maklumat dalam dokumen dapat dibuat samada dengan menggunakan pemadam getah biasa atau cecair kimia yang boleh menghilangkan tulisan tanpa meninggalkan kesan dalam menokok tambah maklumat. Penambahan maklumat boleh dibuat dengan cara menambah perkataan, frasa, nombor, tandatangan atau memadamkan sesuatu maklumat dan menggantikan dengan maklumat yang lain (Al-Hijaziyy, 2007).

Pemalsuan dokumen secara jelas juga berlaku dengan cara pemalsuan cap. Kebanyakan jabatan, institusi dan syarikat memiliki cap khas sebagai simbol rasmi perniagaan. Fungsi cap adalah bagi menzahirkan identiti seseorang atau organisasi dan diturunkan ke atas sesuatu dokumen sama ada ia bersifat rasmi atau persendirian. Sebelum ini cap kebiasaannya diperbuat dari logam seperti tembaga atau perak. Namun pada hari ini kebanyakan cap diperbuat daripada plastik atau getah. Pemalsuan cap ini cukup mudah dibuat iaitu dengan hanya membawa sampel atau contoh cap yang hendak ditiru atas kertas (Al-Zanibat, 2005).

#### **Pemalsuan Secara Tidak Jelas (*al-maknawi*).**

Pemalsuan dokumen secara *maknawi* berlaku dengan mengubah tajuk dan maksud asal sesuatu dokumen. Pemalsuan dokumen secara *maknawi* tidak menjejaskan bentuk secara zahir dokumen, melainkan jika ia diperhatikan secara teliti. Pemalsuan dalam bentuk ini kebiasaannya berlaku dalam dua bentuk iaitu menukar bebanan atau tanggungjawab seseorang dan menulis kenyataan palsu (Syiniur, 2005).

Keadaan ini kebiasaannya berlaku apabila seseorang pegawai telah mengamanahkan kepada pekerjaannya untuk mencatatkan sesuatu fakta atau keterangan. Namun pekerja tersebut telah mengubah fakta asal dan fakta yang dipalsukan menjadi seolah-olah ia benar dan asli. Pemalsuan cara ini kadangkala berlaku juga pada dokumen rasmi yang kebiasaannya dilakukan oleh kakitangan dalam jabatan tersebut, kerana ia amat sukar untuk dilakukan oleh orang luar dari jabatan tersebut. Sebagai contohnya seorang penterjemah telah mengubah maksud asal dari dokumen yang diterjemahkan seperti mengubah status cerai dengan talak tiga secara sekaligus kepada talak tiga secara berasingan, mengubah rekod pinjaman seseorang dengan pihak bank dan sebagainya (Al-Muhaimin, t.th).

## Latar Belakang

Isu pemalsuan dokumen mencatat sejarahnya yang tersendiri sehingga menggemparkan dunia pada masa itu sehingga membawa kepada pembunuhan khalifah ketiga Sayidina Uthman r.a. Akibat peristiwa berdarah inilah para ulama silam yang mewakili jumhur ulama amat berhati-hati dalam pemakaian dokumen sehingga membawa kepada penolakannya sebagai kaedah pembuktian. Hujah jumhur sama antara satu sama lain yang mana dokumen berkemungkinan terdedah kepada pemalsuan (Al-Syīraziyy, 1995); (Ibn Farhūn, 1995); (Ibn Qayyim, 1991) dan (Ibn Qudāmah, 1996). Maka tidak hairanlah kita dapati amat kurang para ulama terdahulu memfokuskan kepada hukum dokumen dan pemalsuan atau penipuannya dalam penulisan mereka. Kisah yang berlaku kepada Saidina Uthman r.a memberi kesan yang amat mendalam dalam penerimaan dokumen sebagai kaedah pembuktian melainkan bagi kes-kes tertentu sahaja seperti hutang dan wasiat. Namun peristiwa tersebut tidaklah dapat dijadikan hujah yang kukuh untuk menolak dokumen sebagai salah satu kaedah pembuktian. Sekalipun di dalam al-Quran secara terang-terangan mengaitkan dokumen dengan wasiat seperti yang telah dinyatakan dalam surat al-Baqarah, namun ia tidak bermakna Allah SWT memfokuskan dokumen dengan wasiat semata. Sebaliknya apa yang dikehendaki oleh Allah SWT dalam ayat ini bahawa dokumen boleh dijadikan kaedah pembuktian sama ada dalam kes wasiat dan kes-kes yang lain.

Ibn Qayyim dan Ibn Farhun merupakan antara ulama yang bersungguh menzahirkan kekuatan dokumen dalam pembuktian. Mereka telah mengemukakan dalil-dalil daripada al-Quran dan Hadith bagi menyokong pandangan mereka (Al-Syīraziyy, 1995); (Ibn Farhūn, 1995) dan (Ibn Qayyim, 1991). Penerimaan ulama terkemudian terhadap dokumen dalam pembuktian lebih sesuai dan amat praktikal. Perubahan masa, tempat dan kemudahan yang begitu ketara sekali, menjadikan dokumen seperti kertas atau peralatan tulis lain sama ada dalam bentuk tradisional atau elektronik menjadi bahan rujukan utama dalam setiap urusan. Penggunaan dokumen sebagai kaedah pembuktian sudah meluas sama ada di kalangan orang awam atau pemerintah. Perubahan ini berlaku disebabkan saksi yang menjadi kaedah pembuktian utama sebelum ini telah diragui kekuatannya disebabkan kerosakan nilai agama dan akhlak di kalangan masyarakat. Besar kemungkinan juga saksi akan mengubah kenyataan mungkin disebabkan sogokan, lupa dan tidak kurang juga berlaku kematian. Manakala pembuktian melalui dokumen akan kekal dalam keadaan asalnya sekalipun berlaku perubahan masa dan ia dapat mengelakkan saksi-saksi mengubah kesaksiannya dengan sewenang-wenangnya atau disebabkan berlaku kematian.

Namun begitu, ia tidaklah bermakna dokumen akan terselamat daripada anasir-anasir pemalsuan dan penipuan yang akhirnya akan menguntungkan pihak yang zalim dan merugikan pihak yang berhak. Maka fiqh dan undang-undang telah meletakkan peraturan khusus untuk mengekang gejala ini supaya ia tidak menzalimi mana-mana pihak. Menurut perundangan yang diamalkan pada hari ini khususnya di mahkamah sivil di Malaysia, dokumen dibahagikan kepada dua bahagian iaitu dokumen awam dan dokumen persendirian. Setiap bahagian dokumen itu mengandungi syarat-syarat bagi memastikan kekuatan pembuktiannya tetap kekal dan dokumen awam sememangnya lebih tinggi kekuatan pembuktiannya berbanding dengan dokumen persendirian. Menurut perundangan, kekuatan dokumen awam atau rasmi tidak dapat dicabar dalam pembuktian melainkan jika timbul dakwaan berlaku pemalsuan terhadap dokumen tersebut. Manakala status dokumen persendirian tidaklah sekuat dokumen awam yang mana ia boleh dicabar kredibilitinya

kerana timbulnya dakwaan pemalsuan atau pihak-pihak mengingkari tulisan atau tandatangan yang terdapat pada dokumen tersebut<sup>8</sup>.

### **Objektif Kajian**

Objektif kajian ini ialah untuk:

1. Menghuraikan bentuk-bentuk penipuan dan pemalsuan dokumen yang biasa berlaku dewasa ini.
2. Mengukur tahap kesedaran pengamal undang-undang, pelajar dan ahli akademik terhadap bentuk-bentuk penipuan dan pemalsuan dokumen di Mahkamah Syariah.
3. Mencadang penambahbaikan kepada Mahkamah Syariah dalam menangani kes-kes berkaitan pemalsuan dokumen.

### **Persoalan Kajian**

Berdasarkan objektif kajian, maka tiga persoalan kajian dibina seperti berikut:

1. Apakah bentuk-bentuk penipuan dan pemalsuan dokumen yang biasa berlaku dewasa ini?
2. Sejauh manakah tahap kesedaran pengamal undang-undang, pelajar dan ahli akademik terhadap bentuk-bentuk penipuan dan pemalsuan dokumen di Mahkamah Syariah?
3. Apakah penambahbaikan yang perlu ada pada Mahkamah Syariah untuk menangani kes-kes berkaitan pemalsuan dokumen?

### **Metodologi**

Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan *mixed-method*, iaitu campuran pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Bagi pendekatan kuantitatif, responden untuk kajian ini terdiri daripada pengamal undang-undang termasuklah hakim syarie, pegawai Syariah, peguam syarie serta ahli akademik termasuklah pensyarah serta pelajar Syariah dan undang-undang. Empat daerah di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta Putrajaya dan Seremban telah dipilih secara rawak untuk mewakili *fair division* antara mahkamah rendah Syariah dan mahkamah tinggi Syariah. Kaedah pemilihan responden dibuat secara rawak.

Manakala bagi pendekatan kualitatif, kajian ini menggunakan kaedah temubual mendalam ke atas informan utama dan analisis kandungan. Informan utama terdiri daripada pakar forensik, pengamal undang-undang syariah dan sivil. Kaedah pemilihan informan utama adalah secara *purposive sampling*. Data kuantitatif akan dianalisis dengan menggunakan perisian komputer SPSS, manakala data kualitatif dianalisis menggunakan perisian komputer QSR NVivo.

---

<sup>8</sup> Ingkar bermaksud tidak mengakui sesuatu perbuatan yang disandarkan kepadanya sama ada tulisan, cap, tandatangan, cap jari dan sebagainya dalam sesuatu pendakwaan. Peningkaran hanya berlaku pada dokumen persendirian sahaja dan tidak berlaku pada dokumen rasmi. Al-'Abbudiyy, 1999: 184.

## Dapatan Kajian

### Persepsi Responden Terhadap Bentuk-Bentuk Penipuan Dan Pemalsuan

Jumlah keseluruhan 181 borang soal selidik telah diedarkan kepada responden yang terdiri daripada hakim syarie, pegawai Syariah, peguam syarie, pensyarah serta pelajar Syariah dan undang-undang di Negeri Selangor, Negeri Sembilan serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Jadual 1 mewakili profil demografi kajian yang menunjukkan peratusan berdasarkan taraf pendidikan, seramai 9 orang (5.0%) responden dengan taraf pendidikan Ph.D, seramai 24 orang (13.3%) responden dengan taraf pendidikan Sarjana, seramai 119 orang (65.7%) responden dengan taraf pendidikan Sarjana Muda, seramai 29 orang (16.0%) responden dengan taraf pendidikan Diploma, Sijil dan lain-lain. Seterusnya berdasarkan pekerjaan, seramai 78 orang (43.1%) responden dengan pekerjaan sebagai ahli akademik dan seramai 103 orang (56.9%) responden dengan pekerjaan sebagai pengamal undang-undang (Syariah).

Analisis deskriptif yang melibatkan min dan sisihan piawai digunakan untuk menentukan persepsi responden terhadap bentuk-bentuk penipuan dan pemalsuan. Jadual 2 menunjukkan bahawa antara bentuk-bentuk penipuan dan pemalsuan yang paling tinggi mengikut persepsi responden ialah pemalsuan sijil sakit (min = 2.68 dan sp = 1.16), pemalsuan tandatangan dalam surat rasmi (min = 2.61 dan sp = 1.19), pemalsuan memasukkan keterangan palsu (min = 2.57 dan sp = 1.20) dan pemalsuan pengubahan fakta dalam dokumen (min = 2.57 dan sp = 1.19). Manakala antara bentuk-bentuk penipuan dan pemalsuan yang rendah ialah pemalsuan geran pemilikan (hartatanah/kenderaan) (min = 2.19 dan sp = 1.07), pemalsuan dokumen wasiat, hibah, waqaf dan sebagainya (min = 2.31 dan sp = 1.12), pemalsuan sijil kelahiran (min = 2.33 dan sp = 1.12), Pemalsuan kad pengenalan diri (min = 2.34 dan sp = 1.18) dan pemalsuan surat pendaftaran (etc. PATI) (min = 2.36 dan sp=1.13). Secara keseluruhannya menunjukkan bahawa persepsi responden terhadap bentuk-bentuk penipuan dan pemalsuan adalah pada tahap sederhana (min = 2.45 dan sp 1.07).

**Jadual 1: Persepsi responden terhadap bentuk-bentuk penipuan dan pemalsuan**

Bil	Pernyataan	Min	Sisihan piawai	Interpretasi
1.	Pemalsuan kad pengenalan diri	2.34	1.18	Sederhana
2.	Pemalsuan surat nikah	2.46	1.21	Sederhana
3.	Pemalsuan sijil kelahiran	2.33	1.12	Sederhana
4.	Pemalsuan ijazah (Bachelor, Master dan PhD)	2.36	1.13	Sederhana
5.	Pemalsuan passport antarabangsa	2.42	1.17	Sederhana
6.	Pemalsuan dokumen perjalanan diri	2.42	1.16	Sederhana
7.	Pemalsuan testimoni	2.54	1.19	Sederhana
8.	Pemalsuan surat rasmi	2.52	1.13	Sederhana
9.	Pemalsuan tandatangan dalam surat rasmi	2.61	1.19	Sederhana
10.	Pemalsuan memasukkan keterangan palsu	2.57	1.20	Sederhana
11.	Pemalsuan pengubahan fakta dalam dokumen	2.57	1.19	Sederhana
12.	Pemalsuan surat keterangan doktor	2.49	1.13	Sederhana
13.	Pemalsuan sijil sakit	2.68	1.16	Sederhana

## Bentuk-Bentuk Pemalsuan Dokumen Menurut Fiqh dan Perundangan Islam Di Malaysia: Satu Analisa

e-ISSN : 2289-8042

Wan Abdul Fattah b Wan Ismail

Vol 2: Bil 1: Tahun 2015

14.	Pemalsuan geran (hartatanah/kenderaan)	pemilikan	2.19	1.07	Sederhana
15.	Pemalsuan surat pendaftaran (etc. PATI)		2.35	1.11	Sederhana
16.	Pemalsuan dokumen wasiat, hibah, waqaf dan sebagainya		2.31	1.12	Sederhana
	Keseluruhan		2.45	1.07	Sederhana

### Pandangan Pengamal Undang-Undang Dan Ahli Akademik Mengenai Bentuk-Bentuk Dokumen Yang Direkodkan Di Mahkamah Syariah

Sekalipun terdapat banyak bentuk-bentuk pemalsuan yang telah direkodkan di mahkamah sama ada Mahkamah Syariah atau Mahkamah Sivil, namun yang paling kerap berlaku melibatkan penipuan tandatangan dan beberapa bentuk yang lain. Tandatangan merupakan salah satu unsur yang penting bagi memastikan sesuatu dokumen itu mempunyai nilai dalam pembuktian atau sebaliknya. Hasil temubual yang dijalankan keatas individu-individu yang berpengalaman terdiri daripada Hakim, peguam sivil dan syariah, kakitangan akademik dan pakar forensik, masing-masing mempunyai pandangan tersendiri berkenaan pemalsuan dokumen.

Seorang ahli akademik dan berpengalaman dalam bidang forensik lebih 20 tahun sebelum berkecimpung dalam bidang akademik (Pegawai A), berpendapat kes pemalsuan yang paling banyak adalah tandatangan dan beberapa dokumen yang lain. Menurut Pegawai A, pemalsuan dokumen yang kerap berlaku di Mahkamah Syariah melibatkan sijil nikah atau akuan bernikah di luar negara. Seorang lagi Pakar forensik yang telah berkecimpung dalam bidang forensik lebih 30 tahun dan khidmat beliau masih lagi ditagih sekalipun umurnya diakhir 60an (Pegawai B). Menurut Pegawai B, pakar forensik dapat mengenal pasti dokumen yang dikemukakan itu original atau sebaliknya. Tanda-tanda seperti logo yang tidak sama dari segi warna yang tidak jelas, ejaan sudah cukup untuk menimbulkan keraguan terhadap status keaslian sesuatu dokumen. Selain daripada itu, kualiti kertas dan mutu cetakan juga merupakan elemen penting dalam menentukan status dokumen yang dikemukakan.

Menurut seorang Hakim Mahkamah Syariah, Pegawai C, pernah direkodkan kes pemalsuan dokumen surat nikah sekitar pada awal 90an di Wilayah Persekutuan. Dalam kes tersebut pihak pendakwa gagal mengukuhkan dakwaannya dengan mengemukakan bukti-bukti yang lemah dan akhirnya kes tersebut memihak kepada defendan. Tandatangan antara kes pemalsuan yang pernah direkodkan khususnya tandatangan pengizinan isteri pertama dalam kes poligami. Menurut Pegawai C pemalsuan ini melibatkan pihak yang berpendidikan kerana mereka mengetahui perkara-perkara penting yang perlu ada dalam sesuatu dokumen seperti tandatangan dan lain-lain.

Menurut Pegawai C, pernah dilaporkan kes yang melibatkan pegawai kanan kerajaan yang dipaparkan di TV dan akhbar-akhbar tempatan yang memalsukan maklumat dalam dokumen dengan memberi alamat yang palsu. Apabila mahkamah ingin menyampaikan saman, didapati alamat tersebut ialah rumah seorang cina dan dia tidak pernah tinggal pun di rumah seperti alamat yang tertera. Dalam kes ini defendan telah mengaku bersalah memalsukan maklumat dalam dokumen yang telah dibuatnya. Menurut Pegawai C, antara cara yang

dilakukan oleh pihak-pihak khususnya pemalsuan sijil nikah bagi mengelakkan ia dikesan penipuannya ialah dengan cara sijil nikah tersebut di '*laminated*'. Dengan cara tersebut pihak berkuasa tidak dapat mengesan kualiti kertas. Selain daripada surat nikah, surat hibah, geran tanah juga menjadi mangsa penipuan. Menurut beliau lagi, sekiranya berlaku kesangsian terhadap sesuatu dokumen biasanya akan dirujuk kepada pakar forensik.

Menurut seorang Peguam Syarie yang berpengalaman (Pegawai D), beliau menyatakan kes pemalsuan memang berlaku terutamanya tandatangan dan surat nikah. Keraguan terhadap keaslian sijil nikah di luar negara khususnya di Thailand tetap timbul. Namun, sekiranya pasangan itu mendakwa bahawa mereka telah berkahwin maka pihak mahkamah akan meminta beberapa dokumen. Dokumen yang dimaksudkan di sini ialah surat nikah asal yang telah disahkan oleh kedutaan Malaysia di Thailand. Biasanya pasangan yang berkahwin di selatan Thailand akan mengesahkan sijil nikah mereka di Songkla dan jika pengesahan itu telah dibuat oleh Konsulat Malaysia pada kebiasannya pihak mahkamah akan menerimanya melainkan timbul keraguan mengenai status keasliannya.

### **Perbincangan dan Implikasi Kajian**

Hasil dari kajian yang telah dijalankan penyelidik mendapati persepsi pengamal undang-undang, pelajar dan ahli akademik (responden) terhadap bentuk-bentuk penipuan dan pemalsuan dokumen di Mahkamah Syariah adalah di tahap sederhana.

Bentuk-bentuk penipuan dan pemalsuan dokumen yang boleh dikenalpasti adalah seperti pemalsuan sijil sakit, pemalsuan tandatangan dalam surat rasmi, pemalsuan memasukkan keterangan palsu dan pemalsuan pengubahan fakta dalam dokumen, pemalsuan geran pemilikan (hartatanah/kenderaan), pemalsuan dokumen wasiat, hibah, waqaf dan sebagainya, pemalsuan sijil kelahiran, pemalsuan kad pengenalan diri dan pemalsuan surat pendaftaran. Pendapat ini disokong oleh temubual yang telah dijalankan keatas ketua hakim syarie, peguam syarie, pegawai forensik dan ahli akademik pemalsuan dokumen yang kerap berlaku di Mahkamah Syariah melibatkan sijil nikah atau akuan bernikah di luar negara, tandatangan pengizinan isteri pertama dalam kes poligami, memalsukan maklumat dalam dokumen, surat hibah dan geran tanah.

Dapatan ini menunjukkan tahap kesedaran responden terhadap bentuk-bentuk penipuan dan pemalsuan dokumen di Mahkamah Syariah adalah di tahap sederhana mungkin disebabkan oleh kurang pengetahuan dari segi kepentingan dokumen dan kurangnya penguatkuasaan undang-undang Syariah itu sendiri.

Pemalsuan dokumen boleh membawa kepada pelbagai implikasi negatif terhadap fizikal, harta benda, keruntuhan akhlak dan moral serta memberi kesan buruk kepada individu dan orang awam. Menurut Abu al-Raus & Ahmad (1997), kesan buruk yang berkemungkinan berlaku kepada fizikal dan harta benda seperti pemalsuan surat pajakan dengan menyatakan bahawa penyewa telah menjelaskan kepada pemilik sebahagian sewa atau hutang atau telah menjelaskan kesemuanya, sedangkan apa yang berlaku adalah sebaliknya. Keruntuhan nilai akhlak dan moral memberi kesan yang lebih teruk berbanding penipuan harta benda atau fizikal. Sebagai contoh seseorang telah memalsukan surat nikah dengan menyatakan bahawa wanita tersebut telah berkahwin dengannya dan menunjukkan tandatangan wanita yang



dimaksudkan dan namanya, sedangkan wanita tersebut tidak pernah bersetuju apatah lagi untuk menandatangani dokumen nikah tersebut (Al-Syawaribiyy, t.th).

Pengamal undang-undang Syariah perlu didedahkan dengan secara serius mengenai bentuk-bentuk pemalsuan dokumen dan kesannya terhadap kredibiliti Mahkamah Syariah dalam membuat keputusan. Amalan yang dilaksanakan dalam mengenalpasti keaslian dokumen yang dilaksanakan di Mahkamah Sivil boleh dijadikan sebagai model setakatmana yang tidak berlawanan dengan syarak. Pihak penyelidik berpendapat perlu ada kerjasama yang kukuh antara Mahkamah Syariah dengan Mahkamah Sivil, pihak penguatkuasa, jabatan kimia atau forensik dan seumpamanya dalam menangani isu-isu pemalsuan dokumen ini. Ini penting untuk pemindahan ilmu daripada mereka yang berpengalaman dalam industri dalam isu pemalsuan dokumen samaada ia berbentuk biasa ataupun elektronik. Kesan daripada jalinan erat antara pengamal undang-undang Syariah dan mereka yang terlibat secara langsung di dalam bidang industri akan menyumbang kepada skil dan kepakaran oleh pegawai-pegawai syariah seterusnya membantu dalam membuat keputusan tepat dalam penghakiman sesebuah kes. Sekaligus ia boleh menambahkan keyakinan masyarakat awam terhadap kredibiliti Mahkamah Syariah dalam membuat keputusan.

### **Kesimpulan**

Hasil dari pengamatan dan analisis umum yang telah dibuat maka rumusan yang dapat dibuat adalah bentuk-bentuk pemalsuan sememangnya tidak dapat dijangkakan kerana ia akan berubah-ubah berdasarkan masa dan kemudahan semasa. Namun pemalsuan bolehlah dikatakan sebagai mengubah keadaan sebenar dalam sesuatu dokumen dengan niat untuk menipu sama ada penipuan tersebut dilakukan secara jelas seperti menghapus perkataan tertentu atau mengubah makna kandungan yang mana perubahan tersebut mengakibatkan '*dharar*' kerosakan atau kecelakaan sama ada kepada umum atau individu tertentu. Hasil soal selidik yang telah dibuat keatas 181 responden terhadap bentuk-bentuk penipuan dan pemalsuan di negeri Selangor, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, bentuk-bentuk penipuan dan pemalsuan yang paling tinggi ialah pemalsuan sijil sakit. Kemudiannya diikuti tandatangan dalam surat rasmi, pemalsuan memasukkan keterangan palsu dan pemalsuan pengubahan fakta dalam dokumen. Oleh itu mengenali bentuk-bentuk dokumen amat penting bagi memudahkan proses pengecaman antara dokumen atau sebaliknya. Pengamal undang-undang Syariah perlu didedahkan dengan secara serius mengenai pemalsuan dokumen dan bentuk-bentuknya. Pihak mahkamah syariah perlu membuat kerjasama secara berterusan dengan Mahkamah Sivil, pihak keselamatan, jabatan kimia dan seumpamanya dalam menangani isu-isu pemalsuan dokumen ini. Kerana mereka berpengalaman dalam isu pemalsuan dokumen samaada ia berbentuk biasa ataupun elektronik. Hasil kepakaran yag dimiliki oleh pegawai-pegawai syariah, mereka akan dapat membuat keputusan tepat dalam penghakiman sekaligus menambahkan keyakinan masyarakat awam terhadap kredibiliti Mahkamah Syariah dalam membuat keputusan. Oleh itu, amalan yang dilaksanakan dalam mengenalpasti keaslian dokumen yang dilaksanakan di Mahkamah Sivil boleh dijadikan sebagai model setakatmana yang tidak berlawanan dengan syarak.

## Rujukan

- Al-Quran al-Karim.
- Abd al-Salam Bikr Salim. 1982. *al-Wasit fii Syarh Qanun al-Jaza' al-Kuwaitiyy*. T.t.
- Abu al-Raus, Ahmad. 1997. *Qanun Jara'im al-Tazyiif wa al-Tazwir wa al-Rasyuah wa Ikhtilas al-Mal al-'Am min Wijhat al-Qanuniyyah wa al-Fanniyyah*. Al-Iskandariyyah: al-Maktab al-Jami'iyy al-Hadiith
- Ahmad Amiin, 1949. *Syarh Qanun al-Uqubat al-Ahliyy*. T.t.
- Ahmad Ibrahim Ibrahim. 1347h. *Turuq al-Qadha' fii al-Syariah al-Islamiyyah*. Al-Qaherah: Matba'ah al-Salafiyyah.
- Al-'Abbudiyy. 1999. *Syarh Ahkam Qanun al-Ithbat al-Madaniyy*. Amman: Maktabah Dar al-Thaqafah.
- Al-Bahutiyy. Mansur bin Yunus. 2000. *Kasyaf al-Qina'*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabiyy.
- Albert Osborn. 1943. Question Documents. *New York*. 2nd Edition.
- Al-Buwaiti, Muhammad. 2006. *Al-Awraq al-Tijariyyah al-Mu'asirah Tabi'atiha al-Qanuniyyah wa Takyifiha al-Fiqhi*. T.t.
- Al-Hijaziyy, Abd. Fattah biyaumiyy. 2007. *Al-Jarimah fii Asr al-Aulamah*. Al-Iskandariyyah: Dar al-Fikr al-Jamiyy.
- Al-Jamal, Sulaiman bin Umar bin Mansur al-Ujailiyy. 1996. *Hasyiah al-Jamal 'ala Syarh al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Mawardiyy. Abu al-Hassan Ali ibn Muhammad. 1972. *Adab al-Qadhi*. Baghdad: Matba'ah al-Ani.
- Al-Munjiyy, Muhammad. 1992. *Dakwa al-Tazwiir al-Far'iyyah*. Al-Iskandariyyah: Mansya'ah al-Ma'arif.
- Al-Raziyy, Ibn Abi Bakr ibn Abd Qadir. T.th . *Mukhtar al-Sihah*. Al-Qaherah: Matba'ah Isa al-Babi al-Halabiyy.
- al-Said Mustafa al-Said. 1962. *Al-Ahkam al-Ammah fii Qanun al-Uqubat: Jara'im al-Tazwiir fii al-Qanun al-Misriyy*. T.t
- Al-Sarkhasiyy, Syamsuddin. T.th. *Kitab Mabsut*. Birut: Dar al-Makrifah.
- al-Syawaribiyy, Abd. Hamid. T.th. *al-Tazwiir wa al-Tazyiif Madaniyyan wa Jina'iyyan fii Dhau' al-Fiqh wa la-Qadha'*. Al-Iskandariyyah: Mansyaah al-Ma'arif.
- Al-Syiraziyy, Abu Ishaq Ibrahim ibn Ali. T.th. *Al-Muhazzab fii al-Fiqh al-Imam al-Syafii*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Zanibat, Ghaziyy al-Mubarak. 2005. *Al-Khibrah al-Fanniyyah fii Ithbat al-Tazwiir fii al-Mustanadat al-Khatiyyah Fannan wa Qanunan*. Amman: Dar al-Thaqafah.
- Fawziyyah Abd al-Sattar. 1988. *Syarh Qanun al-Uqubat*. Qaherah: Dar al-Nahdhah al-Arabiyyah.
- Ibn al-Hammam al-Hanafiyy, Muhammad bin Abd al-Wahid. 1995. *Syarh Fath al-Qadir*. Beirut: Dar al-Kutub al-Alamiyyah
- Ibn Muflih, Muhammad. *Kitab al-Furu'*. 2003. Beirut: Mu'asasah al-Risalah.
- Ibn Qayyim al-Jauziyyah. 2000. *Jami' al-Fiqh*. T.t.
- Ibn Qudamah, Abdullah. T.th. *Al-Kafii fii al-Fiqh al-Imam Ahmad bin Hanbal*. Makkah al-Mukaramah: al-Maktabah al-Tijariyyah.
- Ma'mun Kamal. 1992. *Tazwiir Al-Khutut Turuq Irtikabiha Wa Wasail Kashfuhu*. T.t.
- N.a. 1988. *Al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah..* Kuwait: Wizarah al-Awqaf wa al-Syu'un al-Islamiyyah.
- Ron N.Ordway. 2000. *Forensic Handwriting identification*, (New York: Academic Press, 2000),

**Bentuk-Bentuk Pemalsuan Dokumen Menurut Fiqh  
dan Perundangan Islam Di Malaysia: Satu Analisa**

---

e-ISSN : 2289-8042

Wan Abdul Fattah b Wan Ismail

Vol 2: Bil 1: Tahun 2015

Syiniur, Abd al-Nasir Muhammad. 2005. *Al-Ithbat bi al-Khibrah baina al-Qadha' al-Islamiyy wa al-Qanun al-Dawliyy wa Tadbiqiha al-Muasirah*. Amman: Dar al-Nafa'is.